

Nama Pelajar : _____

Tingkatan : _____

SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2021

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TASAWWUR ISLAM
DUA JAM TIGA PULUH MINIT**

(2 JAM 30 MINIT)

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B

2. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **Empat soalan** pada **Bahagian B**

3. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A** di ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini

4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian B** di kertas jawapan yang anda sediakan sendiri

Untuk Kegunaan Pemeriksa	
Bahagian	Markah
A	
B	
JUMLAH	

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disokong oleh

.....
(Pn Sa'diah Bt Hj Ahmad)
GURU MATAPELAJARAN

.....
(Pn Haryati Bt Jamin)
GKMP KEMANUSIAN

.....
(En Ramly Bin Rasul)
PENGETUA SMK CLIFFORD

Bahagian A [20 markah]

Soalan 1 – 4

Tuliskan istilah yang betul bagi perkara berikut.

1. Membenarkan dengan hati,berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan terhadap segala perintah dan suruhannya.

2. Pengabdian diri kepada Allah melalui perbuatan,perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kepadanya berlandaskan syariat Allah SWT.

3. Sistem ekonomi yang ditentukan oleh manusia dan tidak mempunyai piawaian yang mutlak tetapi bersifat anjal dan berubah mengikut ketentuan masyarakat.

4. Pelabor memberi modal kepada pengusaha untuk diperniagakan.Keuntungan akan dibahagikan mengikut perjanjian.

Soalan 5- soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dalam ruangan kosong yang disediakan

5. Tatacara perhubungan antara manusia dengan manusia lain dalam segenap segi kehidupan yang merangkumi kekeluargaan, ekonomi dan sebagainya ialah _____

6. Sesuatu hal yang telah ditentukan oleh Allah swt yang akan berlaku kepada makhluknya ,sebelum makhluknya dijadikan. _____

7. _____ ialah Agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa,tempat dan zaman .

8. _____ ialah Kewajipan individu atas sesuatu amalan yang dituntut secara tegas oleh syarak ke atas setiap mukalaf .Pengamalannya mendapat pahala dan pengabaian mendapat dosa..

Soalan 9-10

Padankan situasi berikut dengan **jawapan** yang sesuai

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Al-Quran	Kalam Allah SWT yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat Jibril a.s atau terus daripada Allah SWT.
R	Segala perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW sama ada perkataan, perbuatan atau pengakuan.
Al-Ijmak	Kesepakatan para ulama mengenai sesuatu hukum syarak berasaskan al-Quran dan as-Sunnah selepas kewafatan Rasulullah SAW.
S	Menyamakan sesuatu hukum yang tiada nasnya dengan hukum yang ada nasnya disebabkan adanya persamaan illah.

Jadual di atas berkaitan sumber utama Sistem Sosial Islam.

9. **R** ialah _____ .

1

10. **S** ialah _____ .

1

Soalan 11 hingga soalan 13

Lengkapkan pernyataan berikut.

11. Malaikat _____ ditugaskan menyampaikan wahyu kepada para Rasul.

1

12. Tekun adalah contoh akhlak _____.


1

13. Asal-usul kejadian manusia bermula daripada penciptaan _____.

1

Soalan 14 hingga soalan 15.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan berdasarkan jadual bawah



Soalan 16 - 20

Tandakan (x) pada pernyataan yang salah .

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul

16 . Proses kejadian manusia bermula daripada Alaqah .

17. Keistimewaan manusia berbanding dengan makhluk Allah dengan dikurniakan akal fikiran.

18. Antara matlamat perundangan Islam ialah menjaga akal dan akidah untuk meninggikan martabat manusia disisi Allah.

19. Kehebatan manusia sebagai khalifah berkebolehan memakmurkan alam semata-mata.

20. Bekerja dengan ikhlas kerana Allah merupakan etika kerja.

BAHAGIAN B [80 MARKAH]

Jawab **empat** soalan pada bahagian ini

1. (a) Islam adalah agama terakhir yang diturunkan oleh Allah SWT kepada seluruh manusia melalui Nabi Muhammad s.a.w.
 - i) Apakah maksud Islam (2 markah)
 - ii) Jelaskan dua perbezaan antara rukun iman dan rukun Islam (4 markah)
 - iii) Fatimah bersama sahabatnya sedang bersiar. Mereka berdua terlihat seekor anjing ditepi jalan sedang kesakitan. Bagaimanakah cara mereka untuk melahirkan sifat ihsan dalam keadaan tersebut sedang mereka berdua beragama Islam. (4 markah)

- (b) (i) Apakah maksud Sistem Ekonomi Islam (2 markah)
 - ii) Senaraikan empat contoh ketidakadilan sistem ekonomi yang bertentangan dengan Islam. (4 markah)
 - iii) Ali seorang hartawan kaya raya disebuah kampungnya. Bagaimana cara Ali untuk menjadikan kehidupan diberkati oleh Allah dalam kehidupan (4 markah)

2. (a) (i) Apakah maksud Insan (2 markah)
 - (ii) Jelaskan dua keistimewaan manusia berbanding dengan makhluk lain. (4 markah)
 - (iii) Hassan seorang pelajar yang sentiasa mendapat peperiksaan cemerlang dalam kelasnya. Namun beliau sentiasa merendahkan pelajar yang lain. Wajarkah anda mengikuti akhlak yang dilakukan oleh Hassan tersebut. Berikan tiga alasan anda (4 markah)

- (b) (i) Apakah maksud Sistem Perundangan Islam (2 markah)
 - (ii) Senaraikan dua asas sistem perundangan Islam (2 markah)
 - (iii) "Al-quran merupakan kalam Allah kepada umat Islam." Berikan bukti bagi menyokong pernyataan tersebut. (6 markah)

3 (a) (I)Apakah maksud Keluarga (2 markah)

(ii) Jelaskan dua ciri kekeluargaan Islam (4 markah)



(iii) Pada pandangan anda, adakah suami dalam watak di atas telah menunjukkan watak seorang suami yang baik. Jelaskan. (4 markah)

(b) (I) Nyatakan maksud syura (2 markah)

(ii) Jelaskan dua ciri pentadbir dan pengurus yang baik (4 markah)

(iii) Huraikan dua Prinsip tadbir urus dalam Islam (4 markah)

4. (a) (i) Berikan pengertian Syumuliah [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** prinsip Syumuliah

[2 markah]

(b) “Budaya gangsterisme dalam kalangan murid boleh merosakkan masa depan mereka”
Bincangkan pernyataan di atas bersesuaian dengan realiti kehidupan seorang pelajar. (6 Markah)

(c) (I) Senaraikan dua jenis Muamalah (2 markah)

(ii) Huraikan dua persamaan jenis Muamalah (4 markah)

(iii) Zali seorang pemuda yang rajin berusaha untuk memajukan bisnesnya.Namun ia

Tiada kewangan.Bagaimanakah cara jenis muamalah yang sesuai pendapat kamu untuk zali mengembangkan bisnesnya . berikan 3 alasan kena kamu sarankan jenis muamalah tersebut.

((4 markah)

- 5 (a) (I)Apakah maksud Wahyu (2 markah)
- (ii)Jelaskan dua Fungsi Wahyu (4 markah)
- (iii) Huraikan dua kepentingan beriman kepada wahyu (4 markah)
- (b) (I) Nyatakan maksud pekerjaan (2 markah)
- (ii) Jelaskan dua ciri pekerjaan menurut Islam (4 markah)
- (iii) Huraikan dua akibat sekiranya manusia malas bekerja (4 markah)
- 6 (a) (I)Apakah maksud Mahmudah (2 markah)
- (ii) Nyatakan dua perbezaan contoh sifat mahmudah dan mazmumah .(4 markah)
- (iii) Huraikan dua Implikasi melakukan sifat mazmumah dalam kehidupan. (4 markah)
- (b) (I) Nyatakan maksud Khalifah (2 markah)
- (ii) Jelaskan dua Ciri Khalifah menurut Islam (4 markah)
- (iii) Pemerintahan pada zaman Khulafa' Ar-rasyidin merupakan pemerintahan kesinambungan dengan pemerintahan Rasulullah s.a.w yang sangat menepati kehendak agama Islam Adakah anda bersetuju .Berikan tiga alasan .
- (4 markah)

TAMAT

Kertas jawapan Bahagian A

1		11	
2		12	
3		13	
4		14	
5		15	
6		16	
7		17	
8		18	
9		19	
10		20	